

# Penggubalan polisi perlukan input pakar

► *Untuk hasilkan suatu dasar yang lebih baik*

UB 15.3.2012 B6

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

**KOTA KINABALU:** Input daripada golongan pakar amat diperlukan dalam menghasilkan polisi pemuliharaan alam marin yang lebih baik.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) Prof Madya Dr Ramzah Dambul berkata, kurangnya input daripada saintis dan pihak yang memahami ekosistem alam sekitar antara masalah yang dihadapi penggubal polisi di negara ini.

Justeru katanya, situasi berkenaan menyebabkan wujudnya jurang antara golongan saintis dengan penggubal polisi.


“Kadang-kadang saintis terlalu banyak membuat perkara yang memfokuskan kepada sains asas manakala pihak penggubal pula taksab kepada polisi sahaja.

“Saintis perlu faham tentang proses penggubalan polisi supaya mereka boleh memberikan input yang bersesuaian,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas perasmian Persidangan Antarabangsa Sains Marin dan Akuakultur, Tadbir Urus Perairan: Isu, Keutamaan dan Strategi anjuran Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) Universiti Malaysia Sabah (UMS), di sini pada Rabu.

Ramzah mewakili Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Panglima Madius Tangau.

Menurutnya, bidang marin adalah salah satu keutamaan Mosti dalam memberikan input polisi berkaitan sains,



**RAMZAH (dua kanan) dan Kamarudin (dua kiri) menyaksikan Kenneth (kanan) saling bertukar dokumen dengan Rossita (tengah). Turut kelihatan Heinrich (kiri).**

inovasi dan teknologi yang datang daripada pendapat pakar.

“Dengan adanya input berkenaan, kita boleh buat polisi pemuliharaan alam yang lebih baik.

“Sehubungan itu, jika bidang alam sekitar seperti marin terpelihara dengan baik dan mempunyai mekanisme perundangan serta polisi yang lebih baik, sudah tentu lebih ramai pelancong akan datang ke negeri ini.

“Pelancongan adalah salah satu tarikan sumber ekonomi di Sabah dan kita perlu ingat, pelancong-pelancong sekarang lebih bijak,” jelasnya.

Beliau berkata, para pelancong akan lebih tertarik untuk mengunjungi negara-negara yang prihatin terhadap alam sekitar.

Menurutnya, negara yang tidak mengeksploitasi alam sekitar untuk keuntungan semata-mata dan mempunyai etika pemuliharaan alam

mampu menarik lebih ramai kedatangan pelancong.

Katanya, ia sekaligus akan memberi nilai tambah kepada bidang pelancongan di Sabah dan Malaysia secara amnya.

Seramai 114 peserta termasuk penyertaan luar negara mengikuti persidangan selama dua hari itu.

Pada majlis itu, UMS dan Sutera Harbour Resort menandatangani perjanjian penajaan bersama dengan Jebesen & Jessen (Sea) Pte Ltd.

Turut hadir, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin, Pengarah IPMB Prof Dr Rossita Shapawi, Pengerusi Jebesen & Jessen (Sea) Heinrich Jessen dan Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Sutera Harbour Kenneth Goi Kok Ming.

“Kadang-kadang saintis terlalu banyak membuat perkara yang memfokuskan kepada sains asas manakala pihak penggubal pula taksab kepada polisi sahaja.”

**PROF MADYA DR RAMZAH DAMBUL**

Timbalan Ketua Setiausaha Mosti